


Headline	KLHC mahu pertahan Piala Sumbangsih		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	19 Aug 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Sukan	Page No	36
ArticleSize	140 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 8,301		



# KLHC mahu pertahan Piala Sumbangsih

**KUALA LUMPUR 18 Ogos** - Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) sudah bersedia sepenuhnya untuk memburu gelaran Piala Sumbangsih buat kali ketiga berturut-turut ketika berkunjung ke Stadium Hoki Batu Buruk, Terengganu menentang pencabar utamanya musim ini Terengganu Hockey Team (THT) esok.

Pasukan KLHC dan THT dilihat mempunyai kekuatan seimbang selain masing-masing berpeluang untuk menjulang Piala Sumbangsih sekali gus meraih tiga mata penuh untuk perlawanan pertama saingan Liga Hoki Malaysia (TNB-MHL) 2016.

Kapten KLHC, Mohamad Sukri Abdul Mutalib berkata, pemburuan untuk mempertahankan piala berprestij itu sememangnya

satu tanggungjawab besar yang perlu dipikul olehnya serta rakan sepasukan.

“Konsisten itu amat penting kerana tidak guna jika kami memenangi Piala Sumbangsih tetapi di hujung persaingan gagal memenangi liga serta kejuaraan keseluruhan.

“Perkara itulah yang berlaku sejak dua tahun lalu dan kami berharap tidak akan berlaku lagi pada musim baru ini” kata Mohamad Sukri.

Sementara itu, kapten THT, Shahrur Nabil Abdullah berharap aksi cemerlang dapat dipamerkan oleh rakan sepasukan-



SHARRUN NABIL

nya apabila beraksi Jumaat ini.

Tambahnya, impian untuk merampas gelaran Piala Sumbangsih daripada KLHC adalah antara matlamat utama THT walaupun sedar tugas tersebut bukan mudah.

“Mungkin kali ini kami akan capai kejayaan memenangi Piala Sumbangsih tetapi bukan mudah untuk menewaskan KLHC.

“Selaku kapten, saya harap setiap pemain sudah bersedia sepenuhnya untuk menghadapi cabaran pada musim baru ini,” katanya.